

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
[ BER ]

**TARIKH :** 10 JULAI 2019 (RABU)

**SOALAN NO. 51**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dengan pelaksanaan dasar pekerja Malaysia didahulukan, sehingga kini berapakah jumlah pengambilan bagi pekerja Malaysia tersebut dan apakah sektornya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu pencari kerja termasuk lepasan institusi kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan. Antara program-program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran program penempatan pekerjaan (3P) di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun.
  
2. Peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan adalah berasaskan kepada faktor lokasi, pengalaman, kemahiran dan kelulusan pencari kerja. Melalui sistem Portal *JobsMalaysia*, Kekosongan Jawatan Aktif adalah sebanyak 282,648. Ia terdiri daripada 21,089 kekosongan untuk golongan siswazah dan 261,559 bukan siswazah.

3. Mengikut rekod JTK, pada tahun 2019 hingga 30 April, Pencari Kerja Aktif adalah seramai 133,191 orang. Ia terdiri daripada 101,762 orang siswazah dan 31,429 orang bukan siswazah. Dari jumlah tersebut, seramai 3,890 orang pencari kerja yang terdiri daripada 1,967 orang siswazah dan 1,923 orang bukan siswazah telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan.
4. Sektor yang paling banyak penempatan pekerjaan ditempatkan adalah Sektor Pembuatan iaitu sebanyak 36% (1,396 orang). Kedua adalah Sektor Perkhidmatan Lain yang mencatatkan sebanyak 33% (1,288 orang).
5. Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggaji pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam portal *JobsMalaysia* sebelum dikeluarkan Perakuan *JobsMalaysia* menggaji pekerja bukan warganegara, pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan walaupun di kategori pekerjaan asas. Semua permohonan penggajian pekerja asing diwajibkan dibuat secara *online* menggunakan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) melalui laman sesawang [www.eppax.gov.my](http://www.eppax.gov.my). Setiap permohonan akan disiasat oleh pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bagi memastikan kesahihan majikan dan usaha-usaha mendapatkan pekerja tempatan melalui pengiklanan kekosongan jawatan di Portal Pekerjaan *JobsMalaysia*. Majikan juga perlu menghadiri temuduga melalui One Stop Centre (OSC) di Kementerian Dalam Negeri (KDN).